AUTHOR: Mohd Roji SECTION: PERSPEKTIF PAGE: 32,33 PRINTED SIZE: 1527.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 50,758.00 ITEM ID: MY0056204838



29 OCT, 2023

Padi hibrid bumi Kenyalang

Berita Harian Ahad, Malaysia

Padi hibrid bumi Kenyalang

Sarawak buka sawah berskala besar guna teknologi canggih, tuai tiga kali dalam tempoh 18 bulan tampung keperluan beras tempatan



Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Isu melonjak harga beras putih import, kegiatan monopoli kartel beras, kekurangan bekalan beras tempatan antara polemik yang menimbulkan keluhan rakyat, selain bergelut dengan peningkatan kos hidup.

Pastinya, pihak berwajib sedang berusaha menangani isu ini, namun pelan jangka panjang perlu dirangka dan strategi tuntas dilaksanakan segera agar isu ini tidak berlarutan dan seakan tiada berkesudahan.

Hakikatnya, Malaysia masih mempunyai tanah yang luas dan sesuai untuk diteroka di merata tempat bagi tujuan penanaman padi sekali gus jika diusahakan dapat meningkatkan keperluan beras domestik yang boleh dihasilkan.

Malah, dengan penggunaan teknologi canggih pengeluarannya lebih mudah, cepat dan cekap.

Dengan itu, negara kita tidak perlu lagi mengimport beras daripada negara luar pada masa akan datang.

Justeru, inisiatif sama dilaksanakan di Sarawak, selepas sekian lama 'makan nasi dari luar', bumi Kenyalang ini, umpamanya sudah mula mengorak langkah membuka skim penanaman padi berskala besar bagi menampung keperluan hampir tiga juta rakyatnya.

Seruji Hazemi melihat padi hibrid yang sudah matang. (Foto Nadim Bokhari /BH)

Selama ini, Sarawak mengimport sumber karbohidrat itu dengan tahun lalu sahaja, sejumlah 145,468 tan beras diimport dari Semenanjung dan luar negara khususnya Vietnam, Thailand dan India.

Kebergantungan kepada beras dari negara luar mendedahkan negara pengimport kepada risiko kekurangan bekalan serta peningkatan harga seperti yang pernah berlaku pertengahan tahun ini apabila India menghentikan eksport beras putihnya.

India mengenakan larangan import ke atas beras bukan basmathi selepas harga beras runcit meningkat di negara itu, selain berlaku kerosakan besar-besaran pada tanaman akibat hujan monsun.

Menyedari banyak risiko yang akan dihadapi jika terus bergantung kepada sumber beras import, Sarawak membuka kawasan penanaman berskala besar yang diyakini mampu menjadikan negeri ini sebagai jelapang padi utama negara menjelang 2030.

Lihat muka 33

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: Mohd Roji SECTION: PERSPEKTIF PAGE: 32,33 PRINTED SIZE: 1527.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 50,758.00 ITEM ID: MY0056204838



29 OCT, 2023

Padi hibrid bumi Kenyalang

Berita Harian Ahad, Malaysia

Hasilkan 200,000 tan padi setahun

Dari muka 32

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg berkata, 10,000 hektar kawasan di Tanjung Bijat, Sri Aman; Spaoh di Betong; Lubok Punggor di Gedong dan Tanjung Purun di Lundu sudah dikenal pasti untuk dijadikan jelapang padi itu.

Beliau yakin dengan pembukaan kawasan yang luas, penggunaan teknologi terkini ditambah dengan penanaman padi hibrid variati baharu, hasrat untuk mengurangkan import beras akan tercapai.

Padi hibrid penuhi keperluan 80 peratus beras

Apabila semua skim penanaman padi hibrid itu mengeluarkan hasil, menurutnya, Sarawak mampu memenuhi 80 peratus daripada keperluan berasnya dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Keyakinan itu berasaskan kejayaan projek perintis penanaman padi hibrid di Kampung Lubok Punggor dalam daerah Gedong di Samarahan.

Untuk itu, penyelidikan padi hibrid dilaksanakan oleh pakar dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama syarikat swasta Global Farm Biotech Sdn Bhd berjaya menghasilkan padi yang mampu mengeluarkan hasil tiga kali dalam tempoh 18 bulan.

Mereka menggunakan jenis benih padi dari Vietnam yang berupaya mengeluarkan hasil sehingga tiga kali ganda berbanding penanaman padi biasa, namun sehingga kini varieti itu belum diberi nama khusus.

Hasil penyelidikan yang dilaksanakan di Kampung Lubok Punggor itu UPM dan Global Farm Biotech Sdn Bhd berjaya menghasilkan padi hibrid kira-kira lapan hingga 10 tan sehektar dalam tempoh kira-kira tiga bulan.

Hasil yang dituai dalam projek perintis itu jauh lebih tinggi berbanding pengeluaran beras tempatan antara tiga hingga lima metrik tan sehektar sebelum ini.

Ketika ini, keluaran beras tempatan Sarawak hanya dapat memenuhi 34 peratus permintaan beras di negeri ini.

Statistik Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) pada tahun lalu menunjukkan, Sarawak mengeluarkan 83,000 metrik tan beras serta mengimport 145,468 metrik tan.

Justeru katanya, adalah tidak mustahil, jika 10,000 hektar kawasan yang sudah dikenal pasti itu diusahakan dengan padi hibrid yang baru itu, Sarawak mampu mengeluarkan 200,000 tan padi setahun sekali gus dapat mencapai 80 peratus keperluan tempatan di negeri ini.

Malah katanya, dengan pengeluaran yang besar hasil tuaian tiga kali dalam tempoh 18 bulan, juga tidak mustahil Sarawak akan menjadi pengeksport beras, pada masa depan.

Sertai projek perintis

Sementara itu, peserta projek perintis tanaman padi hibrid di Kampung Lubok Punggor, Seruji Hazemi, 77, berkata, ketika mula menyertai projek perintis tanaman padi hibrid itu, penyelidik memintanya menyemai benih di luar musim penanaman padi.

Pada mulanya beliau tidak yakin kerana ketika itu tanah sawah kering berikutan musim kemarau.

Namun, selepas menyemai benih pada Jun lalu, beliau mendapati padi hibrid itu boleh tumbuh dengan subur walaupun ketika tanah sawah keras.

"Selepas 20 hari di tapak semaian, saya memindahkan anak padi ke sawah pada Julai dan ketika itu juga masih lagi dalam musim kemarau.

"Tetapi padi hibrid itu tumbuh dengan baik sehinggalah mengeluarkan hasil hanya selepas 92 hari ditanam," katanya.

Tanam padi hibrid 3 kali setahun

Seruji yang berpengalaman mengerjakan sawah padi sejak kecil lagi berkata, selama lebih 60 tahun, penanaman padi hanya dilakukan sekali setahun.

"Sekarang apabila menggunakan benih padi hibrid ini kami boleh menanam tiga kali setahun dan ia sudah dibuktikan apabila padi boleh ditanam luar musim.

"Padi yang digunakan untuk dijadikan benih juga tidak banyak iaitu 10 kilogram untuk satu hektar berbanding benih tempatan yang kami gunakan sebelum ini sebanyak 20 gantang padi untuk satu hektar," katanya.

Penggunaan padi yang jauh lebih sedikit untuk dijadikan benih itu, katanya kerana satu lubang tanaman hanya satu pokok anak padi, berbanding padi tempatan yang memerlukan antara empat hingga lima anak padi untuk satu lubang.

"Satu pokok anak padi hibrid itu pula apabila membesar akan membiak menjadi serumpun sehingga 30 pokok padi.

"Ini yang menjadikan hasil serumpun padi meningkat berkali ganda berbanding padi biasa," katanya.

Tingkatkan hasil pesawah

Menurutnya lagi, melihat kepada hasil projek perintis itu, beliau amat yakin varieti padi hibrid itu mampu meningkatkan hasil pesawah di kawasan skim padi Lubok Punggor.

"Di skim ini terdapat sebanyak 117 lot sawah dan apabila semuanya ditanam dengan padi hibrid yang ditanam tiga kali setahun, pengeluaran padi kami akan meningkat berkali ganda berbanding sebelum ini.

"Sudah lama saya menjadi pesawah, inilah kali pertama saya menanam padi yang mengeluarkan hasil dalam tempoh hanya tiga bulan kerana sebelum ini biasanya padi yang kami tanam matang dalam tempoh enam bulan," katanya.





Padi hibrid yang sudah dituai dijemur sebelum diproses menjadi beras. (Foto Nadim Bokhari /BH)



Abang Johari (tengah) melihat padi hibrid hasil projek perintis di Kampung Lubok Punggor, Gedong, baru-baru ini.

Kawasan penanaman padi hibrid di Lubok Punggor merangkumi kawasan seluas 10,000 hektar. (Foto BERNAMA)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: Mohd Roji SECTION: PERSPEKTIF PAGE: 32,33 PRINTED SIZE: 1527.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 50,758.00 ITEM ID: MY0056204838



29 OCT, 2023

Padi hibrid bumi Kenyalang

Berita Harian Ahad, Malaysia

SUMMARIES

Isu melonjak harga beras putih import, kegiatan monopoli kartel beras, kekurangan bekalan beras tempatan antara polemik yang menimbulkan keluhan rakyat, selain bergelut dengan peningkatan kos hidup. Pastinya, pihak berwajib sedang berusaha menangani isu ini, namun pelan jangka panjang perlu dirangka dan strategi tuntas dilaksanakan segera agar isu ini tidak berlarutan dan seakan tiada berkesudahan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.